

MINIT MESYUARAT SEKSYEN APLIKASI BIL. 1/2024
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Tarikh : 24 Mei 2024 (Jumaat)
Masa : 2.45 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
 Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit (PPK),
 Aras 2, Perbendaharaan 2

HADIR

1. Pn. Rosnita binti Baharuddin	- TSBTM(A)	Pengerusi
2. Pn. Siti Munirah binti Saban	- KPSK(A)1	
3. Pn. Nasra binti Zainuddin	- KPSK(A)2	
4. Pn. Noor Azwan binti Mohamed Azraai	- KPS(A)1	
5. Pn. Nurain binti Mhd Sharif	- KPS(A)2	
6. Pn. Rapi'ah binti Ibrahim	- PSK(A)4	
7. Pn. Aini Hayati binti Luey	- PSK(A)5	
8. Pn. Ts. Siti Hawa binti Azman	- PSK(A)6	
9. En. Muhammad Safuan bin Mohd Yusoff	- PS(A)1	
10. Pn. Fazlina binti Yusoff	- PS(A)2	
11. Pn. Fatimah Diyana binti Ghani	- PS(A)3	
12. En. Mohd Hatta bin Ab Maleh	- PS(A)4	
13. En. Mohd Shafiq Izwan bin Abdullah	- PS(A)5	
14. En. Amiruljeffry bin Ibrahim	- PS(A)6	
15. Pn. Zairina binti Mamat @ Mohd Zaid	- PS(A)7	Urus Setia
16. Pn. Siti Zarith Sofia binti Itmin	- PS(A)10	
17. Pn. Fatma Nuraida binti Ngah	- PPTMK(A)1	
18. Pn Natrah binti Norlin	- PPTMK(A)2	
19. Pn. Nurliza binti Ab Rahman	- PPTMK(A)3	
20. Pn. Mas Anita binti Noh	- PPTM(A)1	
21. En. Razali bin Mohamad	- PPTM(A)3	

22. Pn. Nurul Nadia binti Md Diah	- PPTM(A)4
23. Pn. Rozita binti Sulaiman	- PPTM(A)5
24. En. Shamsul Adli bin Mohd Shah	- PPTM(A)6
25. Pn. Nurhani Rudin binti Abdullah	- PPTM(A)7
26. En. Nur Arief bin Mohd Amin	- PPTM(A)8
27. Pn. Siti Norfirdaus binti Sulaiman	- PPTM(A)9
28. Pn. Jamiyyah binti Md Noor	- PPTM(A)10
29. En. Mohd Masri bin Mohd Tahar	- PPTM(A)11
30. Pn. Noris binti Mohammad	- PPTM(A)12
31. Pn. Maslinda binti Mat Mansor	- PPTM(A)13
32. Pn. Ezza Fardyla binti Nazri	- PPTM(A)14
33. Pn. Sabariah binti Hisham	- PPTM(A)15
34. En. Mohammad Idzwan Fitri bin Mustapa	- PPTM(A)16
35. Pn. Siti Munira binti Jaini	- PPTM(A)17
36. En. Muhammad Syazwan bin Adnan	- PPTM(A)18
37. En. Saidi Bin Murtada	- PPTM(A)19
38. En. Kamarul Hisyam bin Mohd Rusli	- MySTEP
39. Cik Nor Aqilah Amirah binti Karma Amin	-MySTEP

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

40. En. Azmi bin Bardar	- PSK(A)7	Cuti Rehat
41. Pn. Suzana binti Jaafar	- PPTMT(A)1	Cuti Rehat
42. Pn. Haslinda binti Mohd Som	- PPTM(A)2	Cuti Rehat

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.
- 1.2 Pengerusi mengucapkan tahniah kepada urus setia atas Sesi Perkongsian melalui program Santai Aplikasi yang telah diadakan bersekali dengan Mesyuarat Seksyen Aplikasi Bil 1 Tahun 2024. Tahniah juga kepada para penerima Pekerja Ikutan Terbaik bagi bulan Disember 2023 hingga April 2024 yang julung kali diperkenalkan.

Penerima Anugerah adalah:

a. Anugerah Pekerja Sihat dan Kehadiran Cemerlang

1. Encik Razali Bin Mohamad
2. Encik Kamarul Hisyam Bin Mohd Rusli

b. Anugerah Pekerja Aktif dan Kreatif

1. Puan Aini Hayati Binti Luey
2. Encik Azmi Bin Badar

c. Anugerah Pekerja *Extra Miles*

1. Puan Nurliza Binti Abdul Rahman
2. Encik Mohammad Idzwan Fitri Bin Mustapa

Kriteria Anugerah adalah seperti di **Lampiran A**

- 1.3 Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian akan sistem-sistem yang akan dibuat serahan atau tamat projek tahun 2024 seperti berikut:

Bil.	Sistem	Status
i.	Peningkatan Sistem Maklumat Rayuan Cukai Pendapatan (iTAC)	Serahan pada 26 Jan 2024
ii.	Sistem Ex-Gratia Bencana Kerja (SEBK)	Tamat projek pada Jun 2024

iii.	Sistem Pelaporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (eJPKA)	Go-Live pada Jun 2024
iv.	Sistem Pengurusan Rekod Fizikal (SPRF)	Go-Live pada Julai 2024
v.	Sistem Pemantaun Audit Dalam (SIPAD)	Go-Live pada Disember 2024
vi.	Sistem Government Companies & Agencies Information System 2.0 (GCAIS 2.0)	Go-Live pada Disember 2024
vii.	Sistem Pergerakan Pegawai 2.0 (SPP)	Go-Live pada Disember 2024

1.4 Pengerusi turut merakamkan sekalung tahniah dan terima kasih atas komitmen dan kerjasama pegawai yang telah bertukar keluar iaitu:

- a) Puan Naziha Hifziani Binti Sapari, PTM F44 yang sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana di dalam bidang *Information Security* di UPM bermula Mac 2024;
- b) Puan Suhana Binti Zainal, PTM F44 yang juga sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana di dalam bidang *Information Systems* di UKM bermula Mac 2024;
- c) Cik Nurasyikin Iziana Binti Mahmud, Setiausaha Pejabat TSBTM(A) yang telah berpindah ke Pejabat Menteri Kewangan II bermula 18 Disember 2023; dan
- d) En Aizal Haziq bin Nor Hisam, pelajar praktikal dari UiTM Machang, Kelantan (Oktober 2023 – Mac 2024).

1.5 Pengerusi mengalu-alukan kedatangan pegawai baharu ke Seksyen Pembangunan dan Penyelenggaraan Aplikasi (Seksyen Aplikasi) iaitu:

- a) Puan Nurain binti Mhd Sharif, Ketua Penolong Setiausaha F48 daripada JAWHAR dan di tempatkan di Unit Aplikasi 1 pada 5 Januari 2024; dan
- b) Cik Nor Aqilah Amirah Binti Karma Amin, Pegawai MyStep bagi Pasukan Multimedia pada 18 Mac 2024.

- 1.6 Mesyuarat mengambil maklum mengenai kekosongan jawatan di Seksyen Aplikasi iaitu:

BIL	JAWATAN	BIL KEKOSONGAN	KEKOSONGAN SEJAK
1	PTM F48	1	OKT 2023
2	PTM F41/F44	1	OKT 2023
3	PTM F44	2	MAC 2024

- 1.7 Mesyuarat mengambil perhatian dan maklum terhadap Surat Arahan, Garis Panduan dan Pekeliling terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam seperti berikut:

Pekeliling Perbendaharaan Kementerian Kewangan

- a) Pindaan Pekeliling WP 6.3 Skim ex-gratia bencana kerja bagi pegawai perkhidmatan awam persekutuan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024;
- b) Pindaan Pekeliling WP 1.7 Kemudahan Tuntutan Elaun Makan Bagi Jururing/ Pengawal Peribadi/ Pengiring Rapat Kepada Orang Kenamaan (Principal) Berkelayakan berkuatkuasa pada 1 Januari 2024;
- c) Pindaan Pekeliling PB 3.2 Bayaran Perkhidmatan Kepada Kerajaan Negeri Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan berkuatkuasa 1 Januari 2024;
- d) Pindaan Pekeliling PK 2.2 Tender Terbuka Pada Perenggan 2.4.4 Lampiran 11 berkuatkuasa pada 1 April 2024;
- e) Pindaan Pekeliling PK 7.17 Perolehan Khas Hasil Kraf Tangan Tempatan Di Bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia berkuatkuasa pada 1 April 2024;
- f) Pindaan Pekeliling PK 2.5 Kontrak Pusat Pada Lampiran 2 Dan Lampiran 4 berkuatkuasa pada 2 April 2024;

- g) Pindaan Pekeliling PB 1.3 Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2025 berkuatkuasa pada 10 Mei 2024;

Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam

- a) Surat Edaran JPA/KPPA/016 JLD18 (51) – Pengemaskinian Maklumat Dan Data Semua Penjawat Awam Dalam Pangkalan Data Utama (Padu) berkuatkuasa pada 22 Januari 2024;
- b) Surat Edaran JPA.100-1/4/1 (18) – Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan yang Berintegriti berkuatkuasa pada 24 April 2024; dan
- c) Surat Edaran JPA.100-15/3/5(61) – Pelaksanaan Penggunaan Fungsi MyDigital ID bagi Aplikasi Mudah Alih MyHRMIS Mobile berkuatkuasa pada 24 Mei 2024.

1.8 Mesyuarat mengambil perhatian akan tindakan berkenaan perkara berikut:

- a) Pengemaskinian data yang tidak berintegriti di Sistem HRMIS yang melibatkan kriteria berikut:
 - i. Kriteria 2: Pelaksanaan Perisytiharan Harta;
 - ii. Kriteria 18: Pelaksanaan MyPortfolio; dan
 - iii. Kriteria 19: Pemurnian Data (109 Elemen Data).
- b) Penggunaan MyDigital di HRMIS Mobile yang akan berkuatkuasa sepenuhnya bermula 27 Mei 2024.

1.9 Mesyuarat mengambil maklum bahawa aktiviti pengauditan semula EKSA oleh MAMPU telah diadakan pada 29 Januari 2024.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Seksyen Aplikasi Bil. 3/2023 disahkan tanpa pindaan.

Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Pengerusi memaklumkan hasil perbincangan senarai semak borang-borang yang perlu diisi mengikut SOP, perlu dibentangkan dalam mesyuarat Seksyen Aplikasi akan datang.

Tindakan: KPSK(A)2

- 3.2 Mesyuarat mencadangkan sesi *Coders Day*, iaitu perkongsian tentang teknologi terkini yang dapat membantu memudahkan proses pembangunan sistem. Sesi ini diadakan secara kolaborasi antara UA1 dan UA2 dan akan dilaksanakan secara berkala.

Tindakan: KPSK(A)1

- 3.3 Mesyuarat dimaklumkan sasaran kerja projek multimedia bagi tahun 2024 adalah sebanyak 40 bahan termasuk sokongan teknikal.

Makluman

- 3.4 Mesyuarat mengambil maklum terdapat empat (4) agensi yang tidak mempunyai Kod Agensi dalam Sistem Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) iaitu:

- a. Kementerian Ekonomi (KE)
- b. Kementerian Digital (KD)
- c. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
- d. Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES)

Perkara berkaitan DDSA ini akan dirujuk semula dengan Jabatan Digital Negara (JDN).

Tindakan: KPSK(A)1 & KPSK(A)2

- 3.5 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pekeliling KWAICT masih berkuatkuasa dan sebarang permohonan KWAICT perlu dihantar kepada urus setia di alamat emel kwaict@digital.gov.my. Permohonan perlu dihantar selewat-lewatnya pada bulan Julai atau Oktober.

Tindakan: KPSK(A)1 & KPSK(A)2

- 3.6 Pengerusi mencadangkan supaya hasil kerja multimedia dikumpulkan untuk rujukan pada masa akan datang. PPTM(A)14 memaklumkan, hasil kerja multimedia dikumpulkan di dalam *Google Drive*, namun kapasiti *drive* adalah terhad. Cadangan untuk menggunakan khidmat MOF STORE akan dirujuk semula dengan Seksyen Operasi dan Infrastruktur.

Tindakan: KPSK(A)1

- 3.7 Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat lebih daripada peruntukan latihan dan bengkel yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2024. Peruntukan tambahan ini akan digunakan untuk *Customized Training* Pembangunan Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP) bagi tahun 2024.

Tindakan: KPSK(A)1 & KPSK(A)2

4.0 PEMBENTANGAN SKU

- 4.1 Mesyuarat mengambil maklum pembentangan SKU bagi Seksyen Aplikasi adalah seperti di **Lampiran B**.

5.0 HAL- HAL LAIN

- 5.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan penganjuran Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN dan BTM terlibat sebagai Jawatan Kuasa ICT dan Multimedia. Berdasarkan pengalaman lepas, Bahagian Antarabangsa memuji hasil kerja Unit Portal dalam menghasilkan montaj APEC pada tahun 2019. Pengerusi berharap pengiktirafan ini akan menyuntik semangat kepada pasukan kerja yang lain untuk menghasilkan mutu kerja yang lebih berkualiti dan cemerlang.

Makluman

- 5.2 Mesyuarat mengambil perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan berikutan perisian untuk kegunaan Seksyen Aplikasi iaitu:
- a. Perisian Chat GPT 4.0
 - Cadangan penggunaan oleh PPTM(A)3
 - Perisian ini membantu dan memberikan cadangan penyelesaian masalah pengaturcaraan
 - b. Perisian Font Awesome
 - Cadangan penggunaan oleh PPTM(A)3
 - Perisian Font Awesome yang berlesen mempunyai *icon* yang lebih terkini, moden dan penggunaan yang *unlimited*
 - c. Perisian CodyAI
 - Cadangan penggunaan oleh PS(A)5
 - Perisian ini membantu dan memberikan cadangan penyelesaian masalah pengaturcaraan
 - Perisian ini dalam peringkat percubaan sehingga 16 Jun 2024.
 - d. Perkhidmatan Pusher
 - Cadangan penggunaan oleh PSK(A)4

- Penggunaan perkhidmatan Pusher yang menyediakan infrastruktur komunikasi secara *real-time* untuk web dan aplikasi mobile.

Mesyuarat bersetuju supaya perbincangan dan perkongsian dibuat dalam sesi *Coders Day*.

Tindakan: KPSK(A)1

6.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh semua pegawai dan memohon agar semua pegawai menambah baik kualiti kerja dari semasa ke semasa.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

Disediakan oleh,



ZAIRINA BINTI MAMAT@MOHD ZAID

PS(A)7

Pencatat Minit

Disemak oleh,



SITI MUNIRAH BINTI SABAN

KPSK(A)1

Penyemak Minit

Diluluskan oleh,



ROSNITA BINTI BAHARUDDIN

TSBTM(A)

Pengerusi Mesyuarat